



Rujukan: UKM.BEN.100 -1/3/3

Tarikh : 14 Februari 2025

SURAT EDARAN BENDAHARI BIL. 6/2025

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN KAEDAH PENILAIAN DUA (2) PERINGKAT BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (SEBUT HARGA DAN TENDER)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, buat masa ini penilaian bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan boleh dilaksanakan serentak di mana penilaian teknikal dibuat pada yang sama dengan penilaian kewangan. Namun, merujuk kepada Pekeliling Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 – Tender Terbuka Perkara 17.1 (ii) (c) dan PK 2.9 – Perolehan Sebut Harga Perkara 12.7 menyatakan bahawa petender yang melepasi penilaian pematuhan ke atas dokumen mandatori akan dinilai di peringkat penilaian teknikal terlebih dahulu dan Petender yang melepasi penilaian teknikal sahaja akan dinilai di peringkat penilaian kewangan.

3. Sehubungan itu, Jabatan Bendahari akan menguatkuasakan kaedah penilaian dua (2) peringkat bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan (Sebut Harga dan Tender) selaras dengan kaedah sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan (MoF). Sehubungan dengan perubahan ini, dokumen UKM-SPKPPP-PP03-GP07 Garis Panduan Penyediaan Spesifikasi dan Penilaian Tawaran bagi Sebut Harga dan Tender (Bekalan dan Perkhidmatan) akan dipinda.

4. Pelaksanaan kaedah penilaian yang baharu akan digunakan bagi urusan penilaian teknikal dan penilaian kewangan untuk kaedah perolehan secara Sebut Harga dan Tender berkuatkuasa 1 Mac 2025. Pelaksanaan ini dibaca bersama dengan Pekeliling Bendahari Bil. 6/2023 Pindaan Garis Panduan Perolehan UKM. Pemakaian peraturan ini adalah tertakluk kepada semua PTj di UKM, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tunku Aishah Rohani (HPKK) serta entiti di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia.



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 Emel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

5. Sukacita kiranya pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan di Pusat Tanggungjawab. Sebarang pertanyaan lanjut, mohon hubungi Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari di talian 5033/ 3553/ 3131/ 4480/ 5030 atau emel ke bahagianperolehan@ukm.edu.my.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“Kekal Berintegriti”

Yang benar,

MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN c.A.(M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Kewatanan), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar, UKM
 - Pengarah, HCTM
 - Pengarah, HPKK
 - Ketua Perpustakaan, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 Emel: : bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my